

Tahap Penerimaan Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Kaedah Iqra' : Satu Sorotan Kajian Terdahulu

[The Acceptance Level of Islamic Education Teachers (IET) Towards the Iqra' Method: A Review of Previous Studies]

Azrul Hisyam Mohamad Rasidi*¹ , Muhammad Fadlly Ismail¹

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang

Email : ceroi7781@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.627>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penerimaan guru pendidikan Islam terhadap kaedah pengajaran al-Quran, khususnya melalui pendekatan Iqra'. Ia melibatkan analisis faktor-faktor seperti pengetahuan, sikap, pengaruh persekitaran, strategi pengajaran, dan kesediaan guru. Kajian ini menyoroti temuan kritis yang memberikan wawasan mendalam ke dalam dinamika pengajaran al-Quran di kalangan guru-guru pendidikan Islam di Malaysia. Dalam menilai pengetahuan guru, kajian mendapati pemahaman yang baik terhadap objektif dan strategi pengajaran kaedah Iqra', meskipun masih terdapat keperluan untuk peningkatan kualiti pendidikan guru. Sikap guru dinilai sebagai sederhana, dengan beberapa guru menunjukkan kekurangan penekanan pada aspek tertentu seperti sebutan makhraj dan fasahah. Pengaruh persekitaran dan beban tugas serta tekanan tempat kerja, memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran. Di sini, penekanan pada pengurusan beban tugas dan pembangunan profesionalisme guru diperlukan. Dalam dimensi strategi pengajaran, temuan menyoroti perlunya peningkatan dalam penggunaan teknologi, variasi pendekatan pembelajaran dan strategi yang lebih efektif untuk memastikan pembelajaran yang lebih baik. Kesediaan dan motivasi guru terhadap kaedah Iqra' dinilai tinggi, meskipun berlaku peningkatan dalam penggunaan bahan bantu mengajar dan penyediaan rancangan pengajaran harian. Dengan merinci dan menganalisis faktor-faktor ini, kajian ini menggariskan langkah-langkah strategik untuk meningkatkan tahap penerimaan guru terhadap kaedah Iqra'. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam meningkatkan kualiti pengajaran al-Quran di kalangan guru pendidikan Islam dan memperkuat pendekatan pembelajaran dalam sistem pendidikan Malaysia.

Kata Kunci : Tahap Penerimaan Guru, Kaedah Iqra , Pengajaran Al-Quran

Manuscript Received Date: 1/03/24

Manuscript Acceptance Date: 28/06/24

Manuscript Published Date: 30/07/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my

C O P E COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS



Abstract

This study aims to evaluate the level of acceptance of Islamic education teachers towards the teaching method of the Qur'an, particularly through the Iqra' approach. Involving the analysis of factors such as knowledge, attitudes, environmental influences, teaching strategies, and teacher readiness, this study highlights critical findings that provide deep insight into the dynamics of teaching the Qur'an among Islamic education teachers in Malaysia. In evaluating teachers' knowledge, the study found a good understanding of the objectives and teaching strategies of the Iqra' method, although there is still a need to improve the quality of teacher education. The teacher's attitude was rated as moderate, with some teachers showing a lack of emphasis on certain aspects such as the pronunciation of makhrāj and fasah. Environmental influences, including workload and stress, play an important role in teaching effectiveness. Here, an emphasis on workload management and the development of teacher professionalism is needed. In the teaching strategy dimension, the findings highlight the need for an increase in the use of technology, a variety of learning approaches, and more effective strategies to ensure better learning. The willingness and motivation of teachers towards the Iqra' method is highly valued, although there needs to be an increase in the use of teaching aids and the preparation of daily lesson plans. By detailing and analyzing these factors, this study outlines strategic steps to increase the level of teacher acceptance of the Iqra' method. It is hoped that the results of this study can provide a significant contribution in improving the quality of Quran teaching among Islamic education teachers and strengthen the learning approach in the Malaysian education system.

Keywords : Level of Teacher Acceptance, Iqra method, Al-Quran teaching

1.0 Pendahuluan

Salah satu tuntutan yang diwajibkan ke atas umat Islam ialah memahami al-Quran. Ia perlu diperkenalkan di peringkat awal kanak-kanak (Abdullah, 2015). Proses ini bermula dengan asas mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi peringkat literasi al-Quran akan membawa masalah pada peringkat yang seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi murid akan terus bermasalah dan kekal (Aminuddin, 2015). Kajian yang dijalankan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati ramai murid sekolah rendah tidak tahu membaca al-Quran (Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM 1996).

Bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), program j-QAF telah diperkenalkan pada 2005 dalam sistem pendidikan Malaysia. Bagi mencapai hasrat tersebut pengambilan guru pelatih telah dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bermula tahun 2005. Pada peringkat awal seramai 3663 orang guru pelatih yang telah diambil untuk ditempatkan ke 1221 buah sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Guru pelatih yang dipilih dikalangan graduan Ijazah Sarjana Muda bidang pengajian Islam dari dalam dan luar negara. Jumlah ini sentiasa bertambah di setiap tahun sehinggalah jumlah kumulatif guru-guru j-QAF berjumlah 32171 pada tahun 2010 (JAPIM KPM 2006). Sehingga kini walaupun program j-QAF telah dimansuhkan, namun hampir kesemua model j-QAF masih diteruskan termasuklah penggunaan kaedah Iqra' menerusi model *tasmik*. Maka kajian ini amat bertepatan dalam menilai kembali tahap penerimaan guru-guru pendidikan Islam (GPI) terhadap penggunaan kaedah Iqra' berdasarkan sorotan kajian lalu.

2.0 Terma-terma Kajian

a. Tahap Penerimaan Guru

Tahap penerimaan guru merujuk kepada sejauh mana seseorang guru menerima, mengaplikasi dan mengamalkan sesuatu inovasi, kaedah atau strategi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Penerimaan ini merangkumi kefahaman, sikap dan kesediaan guru terhadap perubahan atau penggunaan pendekatan baharu dalam proses pengajaran. Faktor-faktor yang mempengaruhi peringkat penerimaan guru boleh melibatkan pelbagai perkara seperti pengetahuan guru tentang inovasi, sikap guru terhadap perubahan, kesediaan teknologi, sokongan daripada pihak sekolah atau institusi pendidikan serta pengalaman peribadi guru dalam melaksanakan strategi. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada sejauh mana guru pendidikan Islam (GPI) menerima dan

mengamalkan kaedah Iqra' sebagai pendekatan pengajaran al-Quran di sekolah. Ini mungkin melibatkan penilaian pengetahuan, sikap, kesediaan dan keberkesanan strategi pengajaran yang berkaitan dengan peraturan Iqra'.

b. Kaedah Iqra'

Iqra' merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan bagi membantu murid menguasai kemahiran al-Quran dalam tempoh masa yang telah ditentukan. Iqra' mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara bermula pada tahun 2005 di 1221 buah sekolah seluruh Malaysia sebagai kohort pertama dengan unjuran semua sekolah di seluruh negara akan mengguna pakai kaedah ini pada tahun 2010. Sehingga kini semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengguna pakai kaedah Iqra' sebagai kaedah asas pengajaran al-Quran. Kaedah Iqra' yang diasaskan oleh Ustaz As'ad Humam diguna pakai melalui model j-QAF iaitu *tasmik*. Kaedah ini menambah baik kaedah *baghdadiyah* yang diamalkan di Nusantara dengan memperkenalkan pendekatan membaca secara terus tanpa mengeja, *talaqi* dan *musyafahah*, *tasmik*, *tikrar*, murid terus dan *Cara Belajar Murid Aktif* (CBMA).

3.0 Pernyataan Masalah

Guru dan murid sama-sama memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran. Walaupun pelbagai dasar, pendekatan dan sistem yang diperkenalkan namun sekiranya guru yang menjadi agen tidak berfungsi dengan efektif maka matlamat pendidikan tidak akan mencapai objektifnya (Abdul Halim el-Muhammady, 1991). Kesesuaian pendekatan pengajaran berkait rapat dengan kemampuan murid dan jenis pengajaran guru (Ahmad Salleh dan Sulaiman Ngah 1997).

Kini selepas hampir 19 tahun diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia, guru-guru pendidikan Islam berupaya meningkatkan penguasaan al-Quran murid sekolah rendah dengan mengguna pakai kaedah Iqra' sebagai kaedah asas pembelajaran al-Quran. Timbalan Menteri Muridan, Dr. Mohd. Puad Zarkashi pada tahun 2011 berkata, program J-Qaf banyak mencapai kejayaan terutama peningkatan tahap penguasaan jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain kepada murid yang mengikuti program itu. Namun beberapa dapatan menunjukkan keupayaan guru dalam mengaplikasi kaedah Iqra' boleh dipertikaikan. Berikut beberapa faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan GPI terhadap kaedah Iqra':

3.1 Pengetahuan GPI

Seorang pendidik mesti mempunyai pemahaman yang mendalam tentang tujuan dan objektif pengajaran mereka. Perancangan pengajaran yang dirancang boleh berjaya apabila guru dapat menentukan objektif pengajaran (Kamarudin 1989; Rashidi 1996; Ahmad 2011; Paharudin 2014). Kajian Eadil (2010) mendapati wujudnya di kalangan GPI yang kurang mahir menguasai sebutan huruf dan makhrajnya. GPI juga dilihat kurang memberi penekanan kepada sebutan *makhray* serta *fasahah* walaupun kaedah *talaqi* dan *musyafahah* juga memberi tumpuan ke arah itu. Ahmad Kilani (2005) dan Kamarul Azmi (2007) yang juga berpandangan GPI perlu menguasai kemahiran teknologi pendidikan dalam menghasilkan BBM.

3.2 Sikap GPI

Dapatan Abdul Halim Tamuri et al., (2013), Eadil (2010) dan Ruhayati (2005) mendapati terdapat beberapa isu yang berkait dengan sikap GPI seperti kurang memberi penekanan kepada sebutan dan makhray huruf, kurang fokus semasa melaksanakan *tasmik* seperti menghabiskan masa dengan berbual dan bermain telefon bimbit semasa melaksanakan PdPc Iqra' dan bacaan al-Quran. Kajian dari Paharudin Arbain et al., (2014), Mohd Alwi et al., (2013), Tamuri et al., (2013), Jasmi et al.(2013), Amal Hayati (2012), Aderi (2008) dan Norlela (2007) mendapati sahsiah guru pada tahap sederhana seperti lewat ke kelas dan menggunakan telefon bimbit semasa PdPc *tasmik*. Rozita et al., (2011) dalam kajiannya mendapati beberapa item berkaitan sahsiah guru j-QAF berada pada tahap rendah iaitu kesediaan GPI mengadakan kelas tambahan (min 1.50) dan kesediaan guru mengadakan aktiviti tambahan bagi meningkatkan kemahiran murid dalam membaca al-Quran (min2.70).

3.3 Pengaruh GPI

Kajian Syafrieman et al., (2013) pula mendapati antara faktor kegagalan penguasaan al-Quran terhadap murid di sekolah ialah guru tidak cukup masa mempraktikkan konsep *talaqi* dan *musyafahah* di sekolah kerana pengajaran al-Quran mengambil masa yang lama. Pendekatan *talaqi* dan *musyafahah* memerlukan guru dan murid memberikan perhatian yang khusus. Gangguan luar seperti suasana kelas yang bising dan sukar dikawal menyebabkan guru tidak dapat memberi fokus semasa menjalankan kaedah ini. Dapatan Mohd Azmir dan Mohd Azrani (2010), Amal Hayati (2012) dan Norliza et al., (2013) mendapati faktor luaran seperti kekurangan bahan bantu mengajar (BBM), kaedah *Baca Ikut Guru (BIG)*, kekangan waktu *tasmik* dan pertindihan dengan tugas lain di sekolah. Amal Hayati (2012) juga mendapati pelaksanaan model *tasmik* membosankan kerana bersifat statik dan kurang dijalankan di luar kawasan sekolah. Oleh itu beliau mencadangkan guru agar mempelbagaikan pendekatan yang melibatkan pergerakan dengan membentuk kumpulan kecil dan membaca secara bergilir-gilir. Selain itu faktor murid tidak mengikuti kelas KAFA di sebelah petang merupakan faktor luaran yang mempengaruhi persepsi di kalangan GPI terhadap penggunaan kaedah Iqra. Kajian Endang (2007) dan Mohd Azmir (2010) juga mendapati kaedah ini sukar dikuasai murid kerana buku Iqra' tidak mempunyai simbol atau formula yang membolehkan murid mengingatinya dalam tempoh masa yang lama, khususnya kepada murid yang mempunyai masalah pembelajaran yang memerlukan jangka masa yang lama untuk menguasai sesuatu kemahiran Iqra'. Dapatan-dapatan ini mengganggu peranan GPI dalam memberi pendidikan yang terbaik kepada murid.

3.4 Strategi GPI

Paharudin Arbain et al., (2014), Yusoff et al., (2001), Tamuri et al., (2013), Jasmi et al.(2013), Amal Hayati (2012), Majdah (2011), Rozita, (2011), Mohd Azmir dan Mohd Azrani (2010), Mohd Nazran (2009), Mohd Aderi (2008) dan Norlela (2007) mendapati persepsi GPI terhadap penggunaan kaedah Iqra' tidak memuaskan seperti GPI tidak memanfaatkan penggunaan LCD dan CD Iqra' dengan baik, lemah dalam pedagogi dan tidak menyediakan persediaan rancangan mengajar sebelum memulakan PdPc. Kartina dan Mohd Zaihan (2007) dalam kajiannya berkaitan kemahiran menyebut huruf tunggal hijaiyah menjelaskan bahawa seseorang GPI perlu mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan tidak hanya tertumpu kepada latih tubi semata-mata. Dapatan yang diperolehi juga mendapati pendekatan anak angkat (mentor) memberi hasil yang lebih berkesan dan menarik perhatian murid. Kajian Saiful Nizam (2014) pula mendapati hubungan tahap pengetahuan kaedah pengajaran guru dan pelaksanaan kaedah pengajaran berada pada tahap lemah. Dapatan Aderi (2008) menunjukkan hanya 0.4 peratus sahaja murid yang bersetuju faktor guru memainkan peranan dalam membantu penguasaan al-Quran. Dapatan ini juga menunjukkan skor min amalan pengajaran guru berada pada tahap sederhana. Beliau mencadangkan agar GPI dapat meningkatkan strategi pengajaran guru dan mengawal bilik darjah dengan baik kerana kedua-dua pendekatan ini berupaya memberi kesan yang baik terhadap proses kemenjadian murid dalam menguasai kaedah Iqra'. Beliau juga menjelaskan terdapat perbezaan kaedah pengajaran Iqra' antara guru di sekolah dengan ibu bapa di rumah. Keadaan ini mengakibatkan kesinambungan teknik pengajaran di sekolah tidak dapat diteruskan apabila murid pulang ke rumah.

3.5 Kesediaan GPI

Kajian Norlela (2007) ke atas 86 responden di kalangan guru j-QAF di daerah Hulu Langat Selangor berkaitan sikap dan kesediaan guru mendapati kesediaan guru menggunakan kaedah *talaqi* dan *musyafahah* berada pada tahap tinggi. Namun aspek kesediaan guru dalam penggunaan BBM pada tahap sederhana sahaja. Sementara kajian Mohd Izzuddin et al., (2015) pula mendapati tahap kesediaan 422 orang GPI berada pada tahap yang tinggi iaitu (min=4.27, sp =0.392). Hasil soal selidik di jalankan secara rawak terhadap guru- guru pendidikan Islam di Malaysia mendapati bahawa tahap kesediaan guru adalah pada tahap paling tinggi dan telah menghasilkan pengajaran yang berkesan kepada murid-murid.

4. Perbincangan

Perbincangan berpandukan adalah hasil dapatan dari kajian literatur terdahulu terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap penerimaan GPI terhadap penggunaan kaedah Iqra' di Malaysia iaitu :

4.1 Tahap Pengetahuan GPI

Berdasarkan kajian terdahulu menunjukkan tahap pengetahuan GPI berada pada kedudukan yang baik. GPI memahami dengan jelas objektif, matlamat, konsep dan strategi pengajaran kaedah Iqra'. Namun begitu, sikap dan pengetahuan guru masih rendah, terutamanya guru *senior* yang kurang berkemahiran dalam teknologi maklumat. Ini memberi kesan kepada keinginan guru untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka (Asbulah et al., 2022). Justeru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) harus berusaha untuk melahirkan guru yang berkualiti, bermotivasi dan bermaklumat selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) bagi mengangkat profesion keguruan setanding negara maju.

4.1 Tahap Sikap GPI

Dapatan menunjukkan sikap GPI berada pada tahap sederhana. Sikap segelintir GPI seperti kurang memberi penekanan kepada sebutan makhraj dan fasahah murid memberi kesan kepada sebutan murid. Murid tidak mampu menyebut dengan fasih setiap sebutan huruf *hija'iyah* dengan baik. Segelintir GPI juga kurang memberi tumpuan kepada bacaan murid semasa PdPc *tasmik* dengan leka menggunakan telefon bimbit, berbual-bual dengan rakan kolaborasi serta lewat ke kelas untuk menjalankan PdPc *tasmik*. Namun walaupun melalui PLC (*Professional Learning Community*) yang di adakan oleh Pejabat Muridan Daerah (PPD) mampu meningkatkan strategi dan motivasi GPI.

4.2 Tahap Pengaruh GPI

Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 tahun 2007, peranan guru bukan sahaja terhad kepada pengajaran bahkan merangkumi tanggungjawab tambahan lain berkaitan pentadbiran, kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum (Hamami & Yassin, 2022). Justeru faktor pengaruh persekitaran memberi kesan terhadap keberkesanan PdPc guru. Namun kemampuan seseorang GPI dalam menyerap segala tekanan dan bebanan kerja bukan hakiki berupaya memberi kesan yang positif terhadap proses PdPc. Dapatan Ishak & Rusman, 2018 melalui keputusan ujian analisis korelasi yang dilakukan terhadap persepsi guru di salah sebuah sekolah di Sabah di dapati tiada korelasi yang signifikan antara pencapaian kerja dan faktor beban tugas ($r = -.074, p < .676$). Ia menunjukkan kemampuan guru dalam menyerap tekanan yang ada di sekolah sangat baik. Namun sekiranya beban, tekanan dan persekitaran kerja berlaku secara serentak ia mampu memberi kesan yang signifikan terhadap prestasi guru. Ia di buktikan melalui hasil dapatan yang dilakukan (Jalil, 2019) yang mendapati beban, tekanan dan persekitaran kerja signifikan terhadap prestasi guru Man 2 di Bandar Palu, dengan nilai sig-F $0.00 < \alpha 0.05$.

4.3 Tahap Strategi Pengajaran GPI

Dapatan menunjukkan strategi GPI berada pada tahap sederhana. Antara yang menyumbang kepada faktor tersebut ialah GPI dilihat kurang memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdPc kaedah Iqra' dan tidak menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) sebelum PdPc dijalankan. Kebanyakan GPI kurang mempelbagaikan kaedah pembelajaran PdPc Iqra' hanya tertumpu pada latih tubi semata-mata. Namun pendekatan murid terus yang dilakukan banyak membantu murid dalam menguasai kaedah Iqra'. Dapatan juga mendapati GPI tidak menggunakan pelbagai kaedah dan strategi bagi menarik minat murid dan ia membosankan. Kesannya murid tidak bermotivasi untuk belajar subjek pendidikan Islam. Selain itu, kurangnya komunikasi adalah satu lagi faktor yang menghalang strategi guru daripada meningkatkan motivasi murid untuk belajar. (Wahyuni & Bhattacharya, 2021)

4.5 Tahap Kesediaan GPI

Tahap kesediaan dan motivasi GPI berada pada yang tinggi terutama dalam menggunakan kaedah Iqra' seperti *talaqi musyafahah*, *tasmik* dan *tikrar*. GPI juga bersedia mengikuti sebarang bentuk bengkel dan seminar penguasaan kaedah Iqra'. Namun kesediaan GPI melakukan penambahbaikan kepada BBM sedia ada pada tahap sederhana. Dapatan ini disokong oleh kajian Ishak & Mamat pada 2021 yang mendapati bahawa guru sangat bersedia untuk melaksanakan aktiviti pengajaran, mereka juga mendapati bahawa komitmen dan pelaksanaan aktiviti juga sangat tinggi. Namun begitu, murid masih mencapai tahap sederhana dalam tilawah al-Quran. Selain itu faktor pengalaman juga memainkan peranan. Kajian Norazan, 2023 mendapati guru yang kurang berpengalaman memiliki efikasi yang lebih rendah. Maka menambah baik tahap efikasi sendiri dengan mencipta variasi kejayaan mampu meningkatkan tahap komitmen seseorang guru (Nor Hazizah et al, 2020).

5.0 Kesimpulan

Kajian ini menggariskan beberapa aspek kritikal berkaitan dengan tahap penerimaan guru pendidikan Islam terhadap kaedah pengajaran al-Quran, khususnya melalui pendekatan Iqra'. Kesimpulan kajian dapat dirangkumkan dalam beberapa dimensi utama yang membincangkan tahap pengetahuan, sikap, pengaruh persekitaran, strategi pengajaran, dan kesediaan guru. Melalui aspek pengetahuan walaupun tahap pemahaman GPI terhadap objektif, matlamat, dan strategi pengajaran kaedah Iqra' dinilai baik, masih terdapat ruang untuk peningkatan melalui usaha sistematik dalam memastikan pendidikan guru mencapai tahap kualiti yang lebih tinggi. Sikap GPI terhadap kaedah Iqra' dinilai sebagai sederhana, dengan beberapa guru menunjukkan kurangnya penekanan terhadap aspek tertentu seperti sebutan makhraj dan fasahah. Oleh itu, perlunya penekanan pada pemahaman yang lebih mendalam dan penyempurnaan sikap guru dalam pelbagai aspek pengajaran al-Quran. Pengaruh persekitaran juga memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran. Guru perlu dapat menangani beban tugas dan tekanan dengan baik untuk menjaga prestasi pengajaran yang optimal. Oleh itu, pembangunan profesionalisme dan pengurusan beban tugas perlu diberi penekanan. Dalam dimensi strategi pengajaran, terdapat keperluan untuk meningkatkan penggunaan teknologi, variasi pendekatan pembelajaran, dan pemanfaatan strategi yang lebih efektif untuk memastikan pembelajaran yang lebih baik. Kesediaan dan motivasi GPI terhadap penggunaan kaedah Iqra' dinilai sebagai tinggi, tetapi terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam penggunaan bahan bantu mengajar dan penyediaan rancangan pengajaran harian.

Secara keseluruhan, langkah-langkah strategik perlu diambil untuk meningkatkan tahap penerimaan GPI terhadap kaedah Iqra', termasuk peningkatan kualiti pendidikan guru, penekanan sikap yang lebih positif, pengurusan beban tugas yang efisien, peningkatan strategi pengajaran, dan peningkatan kesediaan dan motivasi guru. Diharapkan dengan pendekatan holistik ini, tahap pengajaran al-Quran melalui kaedah Iqra' dapat ditingkatkan dan memberikan impak positif kepada penguasaan al-Quran oleh murid-murid.

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. (2015) Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam jld2. PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Aminuddin Khalit. (2015). Kesan Kaedah Gabung Bunyi Kata terhadap literasi awal Al-Quran dalam kalangan murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asbulah, L. H., Soad, N. F. A. M., Rushdi, N. A. A. M., & Deris, M. A. H. M. (2022). Teachers' Attitudes Towards the Use of Augmented Reality Technology in Teaching Arabic in Primary School Malaysia. International Journal of Advanced Computer Science and Applications (IJACSA).
- Edil bin Mat. (2010). Kelas Khas Kemahiran Al-Quran (KKQ) : Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Sekolah-sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak Selangor. Jabatan Al-Quran dan Hadith , Akademi Islam Universiti Malaya.

- Hamami, H. Bin, & Yassin, M. A.-M.-Z. Bin. (2022). Beban tugas sampingan guru di sekolah rendah di Negeri Johor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(1), 1–20.
- Ishak, H., & Mamat, M. H. (2021). Student Learning Factors in J-QAF Khatam Al-Quran Model. *Annals of the Romanian Society for Cell Biology*, 291–300.
- Ishak, R., & Rusman, S. N. F. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: Kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1–15.
- Jalil, A. (2019). Pengaruh Beban Kerja, Stres Kerja dan Lingkungan Kerja Terhadap Kinerja Guru Madrasah Aliyah Negeri 2 Kota Palu. *Jurnal Ilmu Perbankan Dan Keuangan Syariah*, 1(2), 117–134.
- Jasmi, K. A., Aderi, M., & Noh, C. (2012). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kachar, K. H. (1989). *Perkembangan pendidikan di Malaysia*. Teks Pub. [https:// books.google.com.my / books ? id = UkBSOAAACAAJ](https://books.google.com.my/books?id=UkBSOAAACAAJ)
- Mohd Azmir, M. N., & Mohd Azrani, A. (2010). Isu Dan Cabaran J-Qaf Dalam Memperkasa Pelajar Islam: Kajian Di Sekolah Kebangsaan Datuk Hj Baginda, Melaka. *Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah (PIMKU 2010)*.
- Norazan, M. (2023). Perbezaan Faktor Jantina, Umur dan Pengalaman Mengajar Dengan Tahap Efikasi Kendiri Serta Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 38–49.
- Nor Hazizah Julaihi, Liew Chin Ying, Voon Lili & Syah Runniza Ahmad Bakri. (2020). Confidence level and self-efficacy beliefs of Mathematics teachers: evidence from Sarawak. *International Journal of Service Management and Sustainability*, 4(2), 1-23.
- Omare, E., Imonje, R. K., & Nyagah, G. (2020). Teacher Qualification, Experience, Capability Beliefs and Professional Development: Do They Predict Teacher Adoption of 21st Century Pedagogies?. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(2), 639–670.
- Paharudin Arbain, Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, & Azmil Hashim. (2014). Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid Dalam Tilawah Al-Quran Program J-QAF. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 8, 1–15.
- Tamuri, A. H., Amal, A. M. I., Noor, H. M., & Pisol, M. I. M. (2013). Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah al-Quran Program j-QAF/Teachers Evaluation on the Implementation of j-QAF Quranic Recitation Models. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 1.
- Wahyuni, S., & Bhattacharya, S. (2021). Strategy of Islamic Religious Education Teachers in Increasing Student Learning Motivation. *Tafkir: Interdisciplinary Journal of Islamic Education*, 2(2), 229–249.
- Yusoff, M. A., AbdulAziz, A. M., & Mohamed, A. K. (2001). Kajian keberkesanan IQRA' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di Semenanjung Malaysia.